



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN BELURAN  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR**

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

18 Mac 2019

**Kenyataan Media YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee,  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen merangkap  
Ahli Parlimen Beluran Mengenai Laporan PAC Parlimen Berhubung  
Pengurusan Marina Awam Oleh Jabatan Laut Malaysia / Suruhanjaya  
Pelabuhan Pulau Pinang Di Bawah Kementerian Pengangkutan (MOT)**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Marina Awam oleh Jabatan Laut Malaysia/ Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT).
- 2) Isu ini adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Ogos 2018.
- 3) Jawatankuasa ini, memulakan prosiding bagi isu ini pada 13 November 2018 dengan memanggil Datuk Seri Saripudin Kassim, Ketua Setiausaha (KSU) MOT bagi menjelaskan beberapa isu yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2017 Siri 1.
- 4) Bagaimanapun, Jawatankuasa ini tidak mendapat penjelasan sepenuhnya daripada Datuk Seri Saripudin berhubung isu yang menyentuh kajian kemungkinan (*feasibility study*) projek Marina Awam ini, terutama sekali ketika projek ini belum dimulakan berikutan ia di luar skop serta tanggungjawab MOT.
- 5) Berikutan itu, PAC Parlimen memutuskan untuk memanggil Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dalam prosiding bertarikh 27 November 2018 dengan dihadiri Datuk Saiful Anuar Lebai Hussen.

- 6) Dalam kedua-dua mesyuarat prosiding berkenaan, Ahli-Ahli PAC Parlimen membangkitkan isu mengenai:-
- i) Marina Awam Muar, Johor;
  - ii) Marina Awam Pulau Mentagor, Perak;
  - iii) Marina Awam Tanjung City Marina, Pulau Pinang;
  - iv) Marina Awam Melaka;
  - v) Kajian kemungkinan;
  - vi) Kerjasama Antara Agensi; dan
  - vii) Hala Tuju Pengurusan Marina Awam;
- 7) Berdasarkan keterangan yang diberikan Datuk Seri Saripudin dan Datuk Saiful Anuar dalam kedua-dua prosiding berkenaan, PAC Parlimen merumuskan bahawa:-
- i) PAC Parlimen berpendapat kelemahan dalam pembangunan dan pengurusan marina awam berpunca daripada ketiadaan *feasibility study* yang terperinci disediakan sebelum mana-mana projek dilaksanakan;
  - ii) Objektif pembangunan marina awam ialah untuk menyediakan kemudahan infrastruktur bagi pendaratan kapal rekreasi di seluruh negara dengan tujuan menggalakkan aktiviti yachting dan pelancongan marin gagal mencapai objektifnya. Daripada 11 marina awam yang dibina, hanya lima (5) marina awam masih beroperasi. Namun projek marina awam ini gagal menggalakkan industri kapal layar dan pelancongan marin; dan
  - iii) Secara khusus, PAC Parlimen memandang berat dalam kes marina awam Pulau Mentagor. Projek ini yang sepatutnya dibina di Lumut, Perak namun selepas cadangan syarikat YTL ianya dipindahkan ke Pulau Mentagor. Projek ini diberi kepada YTL secara rundingan terus bernilai RM24.27 juta. Walau bagaimanapun marina awam ini tidak pernah beroperasi dan tidak pernah digunakan langsung berikutnya YTL tidak berminat lagi membangunkan pulau yang tidak berpenghuni ini.

- 8) Berikutan itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:-
- i) PAC Parlimen menggesa UKAS mempercepatkan proses RFP yang meliputi *feasibility study* ke atas projek marina awam ini;
  - ii) Menggesa Kementerian Pengangkutan menyiasat kebertanggungjawaban syarikat YTL dalam projek marina awam Pulau Mentagor;
  - iii) Menggesa Kerajaan supaya memantapkan kawalan keselamatan di marina awam yang melibatkan kemasukan warga asing;
  - iv) Jabatan Laut Malaysia perlu memastikan wujud kawalan dan pengurusan kewangan serta pungutan hasil yang lebih efisyen di marina awam;
  - v) PAC mahu Kementerian dan agensi perlu mengambil kira kos penyelenggaraan dan sumber manusia sebelum memohon sebarang peruntukan pembangunan; dan
  - vi) Menggesa Kerajaan supaya lebih prihatin dalam merancang sebarang aktiviti pembangunan dengan mengambil kira perancangan yang holistik.

- 9) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Marina Awam oleh Jabatan Laut Malaysia/ Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac).

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee  
Pengerusi PAC Parlimen